

KEPIMPINAN & PERJUANGAN

PEMUDA UMNO

EDISI BAHARU



5

ZIN MAHMUD *et al.*



1/6/2020
5

KEPIMPINAN & PERJUANGAN
PEMUDA
UMNO


EDISI BAHARU





KEPIMPINAN & PERJUANGAN PEMUDA UMNO

EDISI BAHARU



ZIN MAHMUD *et al.*

PUSTAKA PERDANA



1012539



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my*

© *Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*
Terbitan Pertama 2008

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.


ISBN 978-967-61-2099-5

Dicetak oleh
UNIPRESS PRINTING SDN BHD
*Lot 123A, Jalan TIAJ 2/1
Taman Industri Alam Jaya
Bandar Puncak Alam
42300 Selangor Darul Ehsan*




Edisi pertama buku ini berjudul *Pemuda UMNO: Kepimpinan & Perjuangan* diselenggarakan oleh panel penulis diketuai oleh Ahmad Zahid Hamidi sebagai editor, merangkap Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia ketika itu.

Panel penulis terdiri daripada *Editor Bersekutu*, Raja Omar Raja Ibrahim; *Ketua Penyelidik*, Zein Isma Ismail; dan *Kumpulan Penyelidik*, Mohamad Fadir Hj. Mohd. Salleh, Ahmad Ali Seman dan Khamsaton Suliman.



Edisi baharu buku *Kepimpinan & Perjuangan Pemuda UMNO* ini merupakan kesinambungan kepada edisi pertama. Edisi baharu ini meliputi Bab 7, 8 dan 9 yang ditulis oleh Zin Mahmud.



“... supaya diketahui oleh
segala anak cucu kita
yang kemudian daripada kita
dan boleh diingatkan oleh
segala mereka itu, shahdan
adalah beroleh faedah
daripadanya ...”

Sejarah Melayu

Ikrar Pemuda

Kami Pemuda Malaysia
Bersatu dan padu tenaga
Berjuang berkorban jiwa raga
Untuk ketahanan bangsa

Pemuda harapan negara
Membela dan membuat jasa
Membina negara kaya-raya
Ibu pertiwi Malaysia

Mari kita bersatu berikrar
Mengaku dan bersumpah
Menjunjung agama, bangsa dan negara
Bersungguh dan setia

Kami Pemuda Malaysia
Merupakan benteng yang waja
Pertahan kedaulatan agama
Serta bangsa dan negara




PRAKATA

Buku ini memaparkan perkembangan kepimpinan dan perjuangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia sejak penubuhannya dan menterjemahkan isu serta cabaran tahun 2000 yang perlu ditangani. Perkembangan yang berlaku dalam Pergerakan Pemuda UMNO untuk satu-satu tempoh telah dikenal pasti melalui kepimpinan seseorang ketua berdasarkan peranan, gaya bertindak, ketokohan dan kewibawaan.

Pergerakan Pemuda UMNO ditubuhkan pada 2 Mac 1947 dengan nama asalnya Jabatan Pemuda UMNO. Pada 26 Ogos 1949 ia ditukar kepada Perikatan Pemuda UMNO dan semenjak itulah ia terus berkembang sehinggalah diharamkan dan kemudiannya diteruskan sehingga kini dengan matlamat asal dan bentuk yang sama. Sepanjang 57 tahun penubuhannya, Pergerakan Pemuda terus berkembang selaras dengan perkembangan badan induknya dan negara.

Perjuangan dan perkembangan tersebut dibahagikan kepada sembilan era yang berlainan. Era pertama merupakan era Pemuda berusaha menghidupkan pergerakan tersebut melalui dua orang pemimpinnya iaitu Kapten Hussein Onn dan Dato' Abdul Razak Hussain. Era kedua memaparkan ketika ia mengalami proses pengukuhan. Pada era ini, Pergerakan Pemuda dipimpin oleh Sardon Jubir dan Senu Abdul Rahman. Era ketiga memperlihatkan Pergerakan Pemuda bergerak aktif sebagai tenaga pendesak dan pengawas terhadap perjalanan parti, Kerajaan dan



badan-badan swasta. Ketika ini, ia mula digeruni dan dihormati kerana corak bertindaknya yang agresif dan lantang. Ketika ini, ia dipimpin oleh Datuk Harun Idris dan dituruti oleh Syed Jaafar Albar dan Datuk Suhaimi Haji Kamaruddin.

Era keempat pula memperlihatkan Pergerakan ini berada di bawah teraju Anwar Ibrahim yang memberi penekanan kepada nilai-nilai Islam. Era kelima merupakan era di mana ketuanya Datuk Seri Najib Tun Razak menekankan konsep Pemuda Berakar Teguh Berakal Canggih. Ini sejajar dengan keadaan semasa dalam usaha negara meneruskan cita-cita menjadi sebuah negara maju. Dalam waktu yang sama, era ini juga ditumpukan kepada usaha-usaha memulihkan keutuhan parti dan memastikan ia dan badan induknya (UMNO) terus mendapat kepercayaan orang Melayu. Era keenam pula akan memberi penekanan kepada konsep Wawasan 2020.

Era ketujuh mengupas liku-liku kepemimpinan Pemuda yang diterajui oleh Abdul Rahim Thamby Chik dan Pemangku Ketua Pemuda iaitu Nazri Abdul Aziz. Fokus Pemuda ketika era Abdul Rahim ialah menjadikan Pergerakan Pemuda sebagai penggerak untuk mendokong Presiden bagi merealisasikan cita-cita Wawasan 2020, menghapuskan isu politik wang, memupuk nilai kepemimpinan dalam kalangan generasi muda dan menekankan soal perpaduan dalam Pemuda. Manakala Nazri Abdul Aziz yang memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda pula menekankan isu dasar penswastan, keruntuhan moral, setinggan.

Era kelapan pula menghuraikan kepemimpinan Pemuda di bawah teraju Ahmad Zahid Hamidi. Pada masa ini, beliau menekankan supaya pemimpin dan anggota pergerakan berazam mewujudkan generasi muda yang beriman dan cemerlang, serta menubuhkan 22 majlis yang bertindak bagi memantapkan jentera parti. Manakala dalam bidang agama pula, beliau berpendirian agar undang-undang syariah diseragamkan di semua peringkat dan diletakkan di bawah kerajaan persekutuan.

Manakala era kesembilan pula mengupas kepemimpinan Pemuda di bawah teraju Hishammuddin Tun Hussein. Di bawah kepimpinannya, beliau melancarkan slogan “UMNO: Dulu, Kini

dan Selamanya” di samping proses pematapan Pemuda dan pada tahun 2004, beliau menggariskan lapan formula jika Melayu mahu kekal sebagai kuasa politik dan mampu bersaing dalam ekonomi baru. Ini juga merupakan dimensi baru bagi DEB.

Semoga kelahiran buku ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada orang Melayu khususnya dan para pemimpin UMNO amnya tentang perjuangan Pergerakan Pemuda dalam memastikan ketuanan bangsa Melayu di tanah airnya sendiri terus berkekalan dan diteruskan oleh generasi akan datang.

Penerbit




ISI

<i>Sejarah Melayu</i>	vii
<i>Pemasyhuran Kemerdekaan</i>	viii
<i>Ikrar Pemuda</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
Bab 1 SEJARAH AWAL PERGERAKAN PEMUDA	1
Latar Belakang Penubuhan UMNO	3
Rancangan Penentangan Terhadap Malayan Union	5
Penyatuan Orang Melayu Melalui UMNO	6
Penubuhan Pergerakan Pemuda	9
Proses Pemilihan Kepemimpinan Pemuda	11
Kepemimpinan Awal Perikatan Pemuda	13
Bab 2 ERA KEPEMIMPINAN PERGERAKAN PEMUDA 1951-1970	25
Era Awal Kepimpinan Pemuda 1951-1970	27
Pergerakan Pemuda di Bawah Pimpinan Sardon Jubir	28
Senu Meneruskan Perjuangan Pemuda	39
Kesimpulan	47
Bab 3 ERA KEPEMIMPINAN PERGERAKAN PEMUDA 1971-1982	53
Generasi Baru Menerajui Pemuda 1971-1982	55

	Datuk Harun dengan Era Baru Pemuda	56
	Kesimpulan	85
<i>Bab 4</i>	ERA KEPIMPINAN DATUK SERI ANWAR IBRAHIM	95
	Perjuangan Menerapkan Nilai-nilai Islam	97
	Kesimpulan	114
<i>Bab 5</i>	KECEMERLANGAN DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK	119
	Datuk Seri Najib Pemangku Ketua Pergerakan	121
	Kesimpulan	141
<i>Bab 6</i>	PEMUDA ERA WAWASAN	143
	Falsafah Perjuangan dan Kepemimpinan Pemuda	145
	Kesimpulan	160
<i>Bab 7</i>	LIKU-LIKU PERJUANGAN ABDUL RAHIM THAMBY CHIK DAN NAZRI ABD. AZIZ	163
	Perjuangan Abdul Rahim Thamby Chik “Pemuda Era Motivator dan Penggerak Wawasan”	165
	Nazri Aziz “Pemangku Ketua Pemuda”	170
<i>Bab 8</i>	ERA KEPIMPINAN AHMAD ZAHID HAMIDI	175
	Perjuangan Ahmad Zahid Hamidi “Dua Dalam Satu”	177
<i>Bab 9</i>	KEPIMPINAN HISHAMMUDDIN TUN HUSEEIN ONN	187
	Perjuangan Hishammuddin Tun Hussein Onn “UMNO: Dulu, Kini dan Selamanya ...”	189
	LAMPIRAN	195
	SUMBER RUJUKAN	435

bab 1

**SEJARAH AWAL
PERGERAKAN
PEMUDA**





LATAR BELAKANG PENUBUHAN UMNO

Pemerintahan British di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua terbahagi kepada tiga corak pentadbiran iaitu Negeri-negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis).

Negeri-negeri Selat diperintah secara langsung oleh British melalui seorang Gabenor British dan tarafnya adalah sebagai tanah jajahan British. Pentadbiran British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pula, terletak di bawah seorang Pesuruhjaya British yang berpusat di Kuala Lumpur dan di setiap negeri tersebut dilantik seorang Residen British. Manakala di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, pihak British telah melantik seorang wakilnya yang dipanggil Penasihat British.

Kedatangan semula pihak British ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua telah membawa satu corak pemerintahan baru yang bertujuan untuk menyatukan semua negeri-negeri Melayu kecuali Singapura di bawah satu pemerintahan pusat yang diperintah terus oleh seorang Gabenor British. Gagasan Pentadbiran baru yang dirancang oleh pihak British itu dinamakan *Malayan Union*. Gagasan ini telah dirancang sebelum Perang Dunia Kedua lagi.



Bagi menjayakan gagasan tersebut, sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Sir Edward Gent¹ telah diarahkan oleh pihak British untuk membentuk dasar-dasar yang akan dilaksanakan di Tanah Melayu apabila pihak British kembali semula. Jawatankuasa tersebut telah merangka satu dasar yang telah dipersetujui oleh kerajaan British untuk dilaksanakan. Antara rangka utama yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut ialah:

1. Sebuah kesatuan bernama Malayan Union untuk keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu termasuk Melaka dan Pulau Pinang.
2. Kerajaan berasingan bagi Singapura.
3. Seorang Gabenor-Jeneral bagi kedua-dua Malayan Union dan Singapura.
4. Kewarganegaraan serupa bagi kedua-dua Malayan Union dan Singapura².

Dalam rancangan Malayan Union, Singapura akan dipisahkan pentadbirannya daripada negeri-negeri Tanah Melayu yang lain³. Alasan pihak British untuk mengasingkan Singapura ini disebabkan kedudukan Singapura sebagai pusat perniagaan seberang laut yang maju dan merupakan sebuah bandar yang besar serta mempunyai penduduk Cina yang ramai. Keadaan ini berlainan dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Walau apa pun alasan yang diberikan oleh pihak British, apa yang nyata ialah Singapura mempunyai kedudukan ekonomi yang baik dan menguntungkan British. British bertanggapan adalah amat merugikan untuk menyatukan Singapura dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Antara perkara utama yang menimbulkan kemarahan orang Melayu melalui rancangan Malayan Union ialah mengenai hak keistimewaan orang Melayu serta penukaran taraf Negeri-negeri Melayu. Apa yang menimbulkan kontroversi itu ialah penukaran dari negeri-negeri naungan British sebelum ini kepada negeri-negeri jajahan British. Melalui rancangan ini, semua anggota Majlis yang ada dalam rancangan Malayan Union hendaklah

menyatakan taat setianya kepada Ratu Inggeris dan bukan lagi kepada Raja-raja Melayu⁴.

Malayan Union akan diperintah oleh seorang Gabenor dengan Majlis Mesyuarat Kerja (*Executive Committee*) dan sebuah Majlis Mesyuarat Negeri. Melalui rancangan ini, Gabenor mempunyai kuasa yang besar dan kuasa muktamad terhadap sesuatu hal pentadbiran di Tanah Melayu dan Singapura⁵. Kuasa yang ada pada Gabenor ini adalah lebih besar daripada kuasa Raja-raja Melayu itu sendiri.

Berkaitan kerakyatan mereka yang berhak terdiri daripada mereka yang dilahirkan dalam negeri-negeri Malayan Union dan Singapura. Rakyat yang telah bermastautin di kedua-dua negeri tersebut juga layak untuk mendapat hak kerakyatan dengan syarat mereka telah menetap di Tanah Melayu atau Singapura selama 10 tahun daripada 15 tahun masa penjajahan British, tidak termasuk masa penjajahan Jepun⁶.

Kerajaan British terpaksa mendapatkan tandatangan daripada Raja-raja Melayu sebagai persetujuan dan sokongan terhadap rancangan ini. Melalui Setiausaha Tanah Jajahan, Kerajaan Bersekutu telah menghantar Sir Harold Mac Michael untuk melaksanakan tugas mendapatkan tandatangan tersebut⁷.

Dengan kepintaran melakukan tipu helah dan membuat ugutan-ugutan kepada beberapa orang Raja-raja Melayu, akhirnya Mac Michael telah berjaya mendapatkan kesemua tandatangan Raja-raja Melayu pada 2 Disember 1945. Walaupun pihak Raja-raja Melayu keberatan untuk menandatangani perjanjian tersebut, tetapi mereka terpaksa menurut demi untuk menjaga kepentingan mereka. Mac Michael telah mengugut akan menurunkan takhta Raja-raja Melayu yang enggan menandatangani perjanjian tersebut dan menggantikan mereka dengan kerabat diraja yang bersetuju untuk menurunkan tandatangan mereka⁸.

RANCANGAN PENENTANGAN TERHADAP MALAYAN UNION

Apabila dasar-dasar Malayan Union diketahui umum, maka orang Melayu mula menunjukkan reaksi, terutama apabila

mereka mengetahui bahawa Raja-raja mereka telah dipaksa oleh Mac Michael untuk menurunkan tandatangan. Mereka telah keluar beramai-ramai mengadakan tunjuk perasaan menentang pembentukan rancangan Malayan Union di Tanah Melayu.

Di Batu Pahat, Dato' Onn Jaafar⁹ telah mengetuai orang Melayu pelbagai golongan dari serata pelosok kampung untuk keluar dan berarak ke bandar Batu Pahat (Penggaram) dengan membawa sepanduk sebagai menunjukkan bantahan mereka terhadap rancangan British itu. Bantahan serta tunjuk perasaan juga dilakukan oleh orang Melayu (termasuk golongan wanita) di negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Akhbar-akhbar Melayu juga telah memainkan peranan yang cergas dalam menentang rancangan Malayan Union ini. Akhbar-akhbar yang terdapat pada masa itu seperti *Warta Negara* di Pulau Pinang, *Majlis* di Kuala Lumpur dan *Utusan Melayu* di Singapura, melalui rencana pengarangnya, telah mengulas dan memberi pendapat berkenaan rancangan tersebut¹⁰. Tulisan-tulisan mereka telah menyemarakkan lagi semangat orang Melayu untuk menentang.

Penentangan orang Melayu juga telah mendapat simpati daripada beberapa orang Ahli Parlimen British seperti Kapten Gammans, Sir John Barlow, Viscount Marchwood¹¹, Viscount Elibank dan beberapa orang lagi. Pegawai-pegawai tinggi British yang pernah bertugas di Tanah Melayu seperti Sir Richard Winstedt, Maxwell, Alex McAdam dan Arnold Robinson¹² turut menentang rancangan Malayan Union.

Bantahan serta tentangan yang dilakukan oleh orang Melayu itu tidak dihiraukan oleh kerajaan British. Malah pihak Inggeris tetap bertegas untuk meneruskan cita-cita mereka itu tanpa menghiraukan bantahan yang berlaku di sekeliling mereka dengan membuat pengisytiharan tentang penubuhan kerajaan Malayan Union di Tanah Melayu pada 1 April 1946¹³.

PENYATUAN ORANG MELAYU MELALUI UMNO


Penentangan terhadap gagasan Malayan Union pada masa itu berlaku secara berasingan, seolah-olah tidak ada kesepaduan

dalam tindakan-tindakan yang dilakukan oleh orang Melayu. Melihat pada keadaan ini, pihak akhbar-akhbar Melayu pada masa itu seperti akhbar *Majlis*, *Utusan Melayu* dan *Warta Negara* telah menyeru para pemimpin Melayu supaya menyatukan seluruh gerakan mereka yang ada agar pergerakan orang Melayu menjadi lebih teratur dan tersusun¹⁴.

Sebagai menyahut seruan daripada akhbar-akhbar tempatan, Dato' Onn Jaafar yang menjadi Yang Dipertua Pergerakan Melayu Seluruh Johor (PMSJ)¹⁵ telah mengambil inisiatif awal dengan menulis satu surat terbuka kepada persatuan-persatuan Melayu supaya diadakan satu kongres yang dapat menyatukan seluruh orang Melayu dalam sebuah kesatuan¹⁶. Surat terbuka daripada Dato' Onn ini telah disiarkan dalam akhbar *Majlis* keluaran 24 Januari 1946¹⁷.

Seruan serta cadangan daripada Dato' Onn ini telah mendapat sambutan baik daripada persatuan-persatuan Melayu dan orang perseorangan yang ingin melihat orang Melayu bersatu dalam menentang Malayan Union. Daripada surat Dato' Onn tersebutlah yang akhirnya terlaksana satu perjumpaan secara besar-besaran antara persatuan-persatuan Melayu di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Kongres Melayu Se-Tanah Melayu yang pertama telah diadakan dari 1 hingga 4 Mac bertempat di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, setelah PMSJ cawangan Melaka menarik diri daripada menganjurkannya¹⁸. Kongres itu telah dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah. Seramai 107 orang wakil dan 56 orang pemerhati daripada 41 buah persatuan dari negeri-negeri di Tanah Melayu telah menghadiri Kongres ini. Di samping itu, terdapat beribu-ribu orang Melayu yang turut hadir berhimpun mendengar wakil-wakil mereka berbincang. Dalam persidangan tersebut, Dato' Onn telah dipilih sebulat suara sebagai Pengerusi¹⁹. Daripada Kongres Melayu yang pertama itu, telah diambil satu ketetapan agar ditubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malay National Organisation*) atau UMNO. Satu Jawatankuasa untuk merangka perlembagaan pertubuhan kebangsaan



KEPIMPINAN & PERJUANGAN
**PEMUDA
UMNO**

Buku *Kepimpinan dan Perjuangan Pemuda UMNO* ini merupakan kesinambungan daripada buku *Pemuda UMNO: Kepimpinan dan Perjuangan* yang mengupas sejarah awal Pemuda UMNO serta perkembangan kepimpinan dan perjuangan Pergerakan Pemuda UMNO sehingga kini.

Kepimpinan dan perjuangan tersebut telah dihuraikan kepada sembilan bab. Bab pertama memaparkan pergerakan pemuda yang diterajui oleh Kapten Hussein Onn dan Dato' Abdul Razak Hussein. Bab kedua memaparkan pergerakan pemuda dipimpin oleh Sardon Jubir dan Senu Abdul Rahman. Bab ketiga mengupas kepimpinan pemuda yang diterajui oleh Datuk Harun Idris dan dituruti oleh Datuk Suhaimi Kamaruddin. Bab keempat memperlihatkan pergerakan pemuda diterajui oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bab kelima mengupas pergerakan pemuda di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak. Bab keenam pula memberi penekanan kepada konsep Wawasan 2020 yang menjadi matlamat dan hasrat Perdana Menteri ketika itu iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Bab ketujuh mengupas liku-liku kepimpinan pemuda yang diterajui oleh Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik dan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz. Bab kelapan menghuraikan kepimpinan pemuda yang diterajui oleh Datuk Ahmad Zahid Hamidi. Manakala bab kesembilan mengupas kepimpinan pemuda di bawah teraju Datuk Sri Hishammuddin Tun Hussein Onn sehingga kini.

Perkembangan yang berlaku dalam pergerakan Pemuda UMNO telah dihuraikan berdasarkan gaya kepimpinan seseorang ketua, peranan, cara bertindak, ketokohan dan kewibawaan mereka.



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

HARGA: RM33.00

ISBN 978-967-61-2099-5



9 789676 120991

www.mybooks.com.my